

KENYATAAN AKHBAR

10 Mei 2026

CIJ Melancarkan Laporan Tahunan Landskap Media Malaysia -

Harga Sebuah Kebenaran: Hak Ekonomi Wartawan di Malaysia

Centre for Independent Journalism (CIJ) Malaysia melancarkan laporan mengenai landskap media Malaysia - *Harga Sebuah Kebenaran: Hak Ekonomi Wartawan di Malaysia*, bersempena Festival Solidariti Media yang dianjurkan secara bersama oleh Gerakan Media Medeka (Geramm) dan Majlis Media Malaysia untuk menyambut Hari Kebebasan Akhbar Sedunia (WPFJ). Laporan ini bertujuan mengingatkan orang awam mengenai sumbangan dan kepayahan pengamal media yang bekerja untuk menyebarkan berita serta menegakkan kuasa keempat demokrasi.

Laporan tahun ini menumpukan pada hak ekonomi wartawan, sekali gus menjadi lensa dalam melihat bagaimana landskap media di Malaysia melalui pelbagai isu daripada politik, ekonomi, sosial, teknologi dan perundangan, keadaan bekerja yang berisiko serta penurunan keselamatan terhadap pengamal media. Sementara kita melihat bagaimana kesan ekonomi memberi pengaruh langsung terhadap kemampuan wartawan untuk melapor secara bebas, beretika dan selamat, kita juga melihat bagaimana situasi ini menggambarkan ancaman terhadap persekitaran media di samping penurunan kepercayaan awam dalam kualiti kewartawanan.

Kemerosotan ekosistem media Malaysia dan kebebasan akhbar terlihat jelas dari penurunan skor Indeks Kebebasan Akhbar oleh Reporters without Borders (RSF): daripada kedudukan ke-88 kepada ke-95 secara global. Kita juga melihat penurunan dari aspek indikator ekonomi, daripada skor 48.57 tahun lalu, kepada 40.28 tahun ini.

Oleh itu, laporan CIJ meneliti secara mendalam mengenai masalah ini dengan menekankan isu utama yang menyumbang kepada penurunan ekonomi terhadap para wartawan.

Kekangan Ekonomi

Salah satu isu ekonomi yang mengancam jaminan pekerjaan wartawan adalah ketidaklestarian ekonomi dalam ekosistem media. Media global terutamanya media legasi dalam dekad terakhir telah menghadapi pelbagai halangan dalam menghadapi peralihan daripada media bercetak kepada media digital. Malah, media kini menghadapi cabaran dalam menerokai kaedah inovatif untuk kekal relevan dalam dunia digital. Beban kewangan terhadap syarikat media adalah kesan daripada peralihan ini di samping penurunan keuntungan periklanan yang menjejaskan hak ekonomi wartawan. Pekerja media telah menghadapi tekanan ekonomi dan cabaran kelestarian iaitu gaji yang rendah, jaminan pekerjaan yang buruk, ancaman dan gangguan di bilik berita atau di lapangan, termasuk tekanan tinggi dari aspek persekitaran pekerjaan.

Selain itu, agensi berita baharu yang dipenuhi dengan algoritma berat sebelah, maklumat salah/palsu dan kecerdasan buatan (AI) kini bersaing dengan legasi media. Beberapa tahun ini, kecerdasan buatan dan kemajuan teknologi telah menjadi titik penting bagaimana media beroperasi. Kecerdasan buatan kini memainkan peranan yang penting dalam penerbitan dan penyebaran kandungan berita. Secara dalaman, bilik berita memanfaatkan AI yang bersifat generatif dan agentik untuk penerbitan dan penulisan kandungan merentasi pelbagai medium (contohnya video, audio, foto, dan kandungan bertulis), di samping untuk menyeragamkan gerak kerja dan memudahkan proses pemberitaan. Perkembangan ini mencipta pelbagai ketidakjaminan pekerjaan untuk wartawan.

Laporan ini menumpukan pada kitaran ganas yang memberi kesan terhadap hak ekonomi dan kehidupan lestari pengamal media, termasuk:

- 1) Tawanan media (*media capture*) melalui struktur pemilikan yang bertumpu pada kawalan oligarki dan kecenderungan politik;
- 2) Gaji yang rendah dan tidak berubah, iaitu wartawan berpengalaman masih mendapat jadi serendah RM2000 setiap bulan;
- 3) Kebergantungan pada kontrak, pekerja bebas dan pemberita sambilan tanpa perlindungan sosial serta sokongan institusi yang wajar;
- 4) Laluan perkembangan kerjaya yang lemah;
- 5) Kos ekonomi terhadap ancaman dan gangguan perundangan, termasuk siasatan polis, SLAPP, dan aturan kawal selia;
- 6) Ketidakeimbangan kesan terhadap pengamal media dalam kalangan wanita dan gender bukan binari;
- 7) Kekurangan kuasa penawaran untuk menuntut pematuhan mekanisme perkongsian keuntungan di samping mewajibkan syarikat gergasi teknologi seperti META, Google dan Bytedance untuk membayar penggunaan dan agregasi kandungan media berita.

Perundangan & Politik

CIJ melihat cabaran yang sama turut terjadi dalam persekitaran perundangan yang melemahkan bukan sahaja hak ekonomi wartawan, malah kebebasan akhbar di Malaysia. Di peringkat individu, wartawan dan editor sering melakukan penapisan sendiri kerana ditekan secara politik dan perundangan oleh kerajaan, yang dikuatkuasakan melalui undang-undang yang bersifat mengekang seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, termasuk Seksyen 500, 504, dan 505 daripada Kanun Keseksaan.

Walaupun terdapat cabaran, **perkembangan positif** telah berlaku seperti penubuhan Majlis Media Malaysia, serta Akta Kebebasan Maklumat yang akan dibentangkan dalam masa terdekat. Hal ini menandakan kemajuan dalam menyuburkan kebebasan media dan budaya keterbukaan, ketelusan, dan akauntabiliti. Pelancaran *Dana Inovasi Media* sebanyak RM 30 juta adalah inisiatif dana awam yang dianggap sebagai langkah positif dalam memperkasa kelestarian media.

Sabah & Sarawak

Tahun ini, CIJ turut memberi perhatian khusus terhadap pelbagai isu yang dihadapi oleh pengamal media di Sabah dan Sarawak yang memberikan perspektif unik terhadap ekosistem maklumat Malaysia yang selama ini kurang diwakili dalam ekosistem media tempatan.

Dalam edisi khas ini, kami menumpukan testimoni wartawan di Sabah dan Sarawak, sekali gus menonjolkan realiti kehidupan serta memberikan kredibiliti terhadap permintaan mereka. Hal ini mendedahkan persekitaran politik, ekonomi, dan pelbagai isu yang menjejaskan wartawan di Malaysia Timur.

Cadangan

CIJ menegaskan bahawa reformasi yang bermakna harus melangkaui perjanjian untuk mereformasi rangka kerja perundangan, namun turut mengambil kira model perniagaan media yang lestari, perlindungan yang berkesan terhadap hak-hak buruh serta perlindungan untuk memastikan kebebasan editorial.

Laporan ini membuat beberapa cadangan iaitu:

1. Cadangan kepada Kerajaan

- **Inisiatif data awam** seperti *Dana Inovasi Media* dan sumbangan pembayar cukai lainnya harus diinstitusikan melalui struktur pentadbiran yang bebas dan telus untuk mengelakkan kawalan politik.
- Kerajaan MADANI harus melakukan reformasi perundangan dan dasar secara menyeluruh untuk menguatkan perlindungan ekonomi terhadap pengamal media. Hal ini termasuk
 - Segera **menghentikan penggunaan undang-undang yang menekan** seperti Akta Komunikasi dan Multimedia 1998, Akta Rahsia Rasmi 1972, Akta Hasutan 1948, dan Seksyen 233 dalam Akta Komunikasi dan Multimedia 1998.
 - **Melaksanakan garis panduan anti-SLAPP.**
 - **Meminda perundangan berkaitan hak-hak buruh**, seperti Akta Kerja 1955, untuk menyediakan perlindungan yang lebih jelas terhadap pengamal media bukan tradisional.
- **Meratifikasi Waad Antarabangsa Tentang Hak-Hak Sivil dan Politik (ICCPR), Waad Antarabangsa tentang Hak Ekonomi, Sosial dan Budaya (ICESCR), serta menguatkan pelaksanaan kewajipan di bawah Konvensyen Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Terhadap Wanita** dan rangka kerja antarabangsa yang lain berkaitan hak buruh dan kebebasan media.

2. Cadangan kepada Organisasi Media

- Organisasi media harus **menerapkan amalan penggajian yang adil dan saksama** melalui penekanan terhadap penolakan diskriminasi dan kelestarian jangka panjang dalam kalangan wartawan.
- Organisasi media harus **melabur dalam keselamatan pekerjaan**, jaminan hak seksual dan reproduktif (SRHR), sokongan kesihatan mental serta menyediakan bantuan perundangan yang sewajarnya.
- **Mekanisme tebus rugi (grievance) dalaman harus ditubuhkan atau diperkasa** untuk mengendalikan diskriminasi di tempat kerja, gangguan, dan ketidaksamaan gender.
- Organisasi media harus **membangun model perniagaan lestari, tanpa melemahkan hak buruh dalam kalangan pekerja**, dan melabur dalam latihan, peningkatan kemahiran, serta literasi dan penggunaan AI secara beretika.

3. Cadangan kepada Majlis Media Malaysia

- Majlis Media Malaysia (MMC) harus **menyokong perkembangan standard etika yang melindungi hak ekonomi pengamal media.**
- MMC harus **mewujudkan kesedaran mengenai mekanisme tebus rugi.**
- Bekerjasama dengan organisasi masyarakat sivil serta rangkaian peguam dalam memberi bantuan guaman dan dana kecemasan untuk menyokong wartawan yang menghadapi SLAPP, pemecatan secara sebarangan, serta tindakan balas secara perundangan.
- MMC harus berkolaborasi dengan NUJM, pertubuhan masyarakat sivil, dan institusi akademik untuk **melakukan penyelidikan** mengenai situasi pekerjaan di bilik berita, kelestarian media, trend gaji, dan amalan buruh digital.

Keterbukaan, Ketelusan & Akauntabiliti

Walaupun terdapat kemerosotan dalam aspek kebebasan media, kami berharap bahawa landskap media ini dijadikan sebagai peluang untuk mengukuhkan institusi yang menjadi asas kepada demokrasi keempat negara, iaitu sebahagian daripada konsep demokrasi. Kami juga menggesa untuk menuruti pandangan pakar teknologi dan badan institusi untuk memperbaiki keadaan demografi di Malaysia yang rencam, termasuk memastikan semua hak individu dijamin melalui wacana yang dilakukan secara bersama.

Maklumat Laporan

Harga Sebuah Kebenaran: Hak Ekonomi Wartawan di Malaysia diperoleh melalui temubual bersama pengamal media dari seluruh Malaysia, manakala maklumat awam yang melibatkan industri dan analisis dasar adalah berfungsi untuk menyediakan penilaian awal mengenai cabaran ekonomi yang dihadapi oleh ekosistem media kini.

Laporan penuh boleh didapati melalui:

<https://cijmalaysia.net/the-price-of-truth-economic-rights-of-journalists-in-malaysia/>.

10 Mei 2026

Wathshlah G. Naidu

Pengarah Eksekutif CIJ

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Lim Jih-Ming melalui comms@cijmalaysia.net

Centre for Independent Journalism adalah pertubuhan bukan untung yang feminin serta pemerhati media yang memiliki aspirasi untuk masyarakat demokratik, adil, dan bebas yang mana semua individu akan menikmati media yang bebas, kebebasan untuk bersuara, mencari, dan menyebarkan maklumat.